

Perspektif Pelajar Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Khidmat Bakti Melalui Kursus Kokurikulum di  
Universiti Teknologi MARA  
(*Students' Perspectives on The Implementation of Service Learning Through Co-Curriculum Courses  
at Universiti Teknologi MARA*)

FAIRUS MUHAMAD DARUS\*, NOOR AFZAN ZAKARIA & NOORAIDAH MOKHTAR

ABSTRAK

Pembelajaran khidmat bakti menggabungkan elemen akademik dengan aktiviti dan memberi peluang kepada pelajar bagi mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di dalam bilik kuliah ke alam dunia sebenar. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif melalui temu bual menggunakan soalan semi-struktur secara dalam talian kepada dua empat orang pelajar yang melaksanakan pembelajaran khidmat bakti melalui kursus kokurikulum di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Shah Alam. Objektif kajian ini untuk mengetahui perspektif pelajar terhadap pengalaman, manfaat dan cabaran semasa menjayakan pembelajaran khidmat bakti yang dijalankan secara dalam talian. Dapatan dalam kajian ini menunjukkan pelajar yang mengikuti pembelajaran khidmat bakti mendapat pengalaman dan manfaat positif khususnya berkaitan dengan kemahiran insaniah. Pelajar menyatakan bahawa mereka memperolehi pengalaman baru semasa proses pemindahan ilmu kepada komuniti ketika pelaksanaan program khidmat bakti melalui dalam talian. Pelajar juga menyatakan manfaat yang diperolehi khususnya berkaitan dengan kemahiran insaniah, antaranya ialah kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, pengurusan dan penyelesaian masalah. Selain itu, pelajar turut berkongsi maklumat tentang cabaran yang dihadapi bagi menjayakan program pembelajaran khidmat bakti secara dalam talian.

Kata Kunci: Pembelajaran Khidmat Bakti, Kokurikulum, Universiti Teknologi MARA

ABSTRACT

*Service learning combines academic elements with activities and provides opportunities for students to apply the knowledge and skills learned in the classroom to the real world. This study was conducted qualitatively through an online interview using semi-structure questions to 24 students who participated in service learning through the co-curricular courses at Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam Campus. The objective of this study was to understand students' perspectives on the experience, benefits, and challenges of conducting service learning online. The findings of this study showed that students who participated in service learning gained positive experiences and benefits, particularly in relation to soft skills. Students stated that they gained new experiences during the process of transferring knowledge to the community while implementing the service learning program online. They also shared the benefits they gained, particularly in relation to soft skills, including communication, leadership, teamwork, management, and problem-solving. Additionally, students also shared information about the challenges they faced in conducting service learning programs online.*

Keywords: *Service Learning, Co-Curriculum, Universiti Teknologi MARA*

## PENGENALAN

SULAM adalah singkatan kepada ‘Service Learning Malaysia – University for Society’ yang dilaksanakan oleh universiti-universiti awam di Malaysia selari dengan Pelan Pendidikan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pengajian Tinggi) yang memberi penumpuan kepada amalan pendidikan berimpak tinggi (*High-Impact Education Practice – HIEP*) (Malaysian Higher Education Teaching and Learning Council, 2016). Melalui pelan ini, universiti di Malaysia disasarkan untuk (i) menghasilkan graduan holistik yang seimbang dan berwibawa, (ii) meningkatkan pengalaman pelajar belajar, dan (iii) memperluaskan kerjasama antara komuniti, kerajaan dan industri (Mamat et al., 2019).

Kursus SULAM atau pembelajaran khidmat bakti (PKB) (*Service learning*) adalah gabungan pembelajaran berasaskan pengalaman dan khidmat komuniti. Pelaksanaan kursus PKB merupakan salah satu daripada tujuh amalan pendidikan berimpak tinggi yang harus dilaksanakan di universiti. Kursus PKB ini merupakan pembelajaran kursus berkredit yang memerlukan pelajar berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan masalah setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang pelajar perolehi di bilik kuliah. PKB mempunyai perkaitan dengan aktiviti pembelajaran dan khidmat kesukarelaan pelajar. Di samping itu, PKB turut dikaitkan dengan dengan pelbagai faedah kepada aspek kognitif, psikologi dan sosial (Figuccio, 2020).

Kurikulum PKB mengintegrasikan antara teori, pratikal dan pengalaman di dunia sebenar melalui khidmat sukarelawan di dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sesebuah komuniti (Yusof *et al.*, 2020; Ibrahim *et al.*, 2020). PKB merupakan kaedah pembelajaran yang baru dalam dunia pendidikan khususnya di institut pengajian tinggi di negara ini. Dahulunya, khidmat komuniti lazimnya dilaksanakan melalui kelab atau persatuan pelajar dan tidak mempunyai hubungan lansung dengan akademik serta tidak diberi nilai kredit kepada pelajar.

### Kursus Kurikulum dan Pembelajaran Khidmat bakti

Pelaksanaan kursus kokurikulum secara berkredit dan dijadikan sebagai kursus wajib universiti adalah bertujuan untuk mengukuhkan sahsiah pelajar (Maamor et al., 2015). Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) kampus Shah Alam, Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar merupakan institusi yang bertanggungjawab menawar dan menguruskan kursus kokurikulum kepada pelajar. Sebanyak 203 kursus mengikut lapang teras iaitu Kesukarelawan,

Kepimpinan, Daya Usaha dan Inovasi, Kebudayaan dan Kesenian, Khidmat Komuniti, Pengucapan Awam dan Sukan ditawarkan kepada pelajar.

Pelaksanaan kursus PKB masih baru di UiTM. Pusat Kokurikulum merupakan antara pusat pengajian akademik yang terawal melaksanakan PKB melalui kursus kokurikulumnya. Sebanyak 90 daripada 203 kursus yang ada terlibat bagi melaksanakan PKB. Semua kursus kokurikulum PKB merupakan kursus lanjutan yang ada kesinambungan daripada kursus asas yang telah diikuti oleh pelajar sebelum ini.

Penularan wabak penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan pengajaran dan pembelajaran semua kursus di universiti termasuk kursus kokurikulum dilaksanakan secara dalam talian. Begitu juga dengan pelaksanaan PKB. Amalan norma baharu ini memberi pengalaman dan cabaran baru kepada pelajar dan tenaga pengajar yang terlibat.

### Keperluan dan Manfaat Pembelajaran Khidmat Bakti

Universiti merupakan sebuah institusi yang melahirkan graduan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di dalam sektor pekerjaan. Malahan universiti turut mendidik pelajar untuk mempunyai nilai kebertanggungjawaban sosial. Pelajar yang terlibat dalam kursus PKB akan dididik rasa kekitaan dan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat (Hussin, 2019). Di samping itu, para pelajar dapat menghubungkan pelajaran yang dipelajari di kelas dengan situasi kehidupan sebenar.

Secara asasnya, PKB ini mengabung dua elemen asas iaitu pengajian akademik dan khidmat bakti. Melalui pedagogi PKB berkesan, pelajar akan mendapat pengalaman di lapangan bagi memenuhi keperluan komuniti dan juga dapat menyiapkan diri pelajar ke alam pekerjaan (Lin et al., 2022). Pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman yang mereka perolehi di universiti demi mencari solusi untuk menyelesaikan keperluan komuniti (Chen, 2015). Hubungan antara universiti, industri, kerajaan dan masyarakat boleh terbina melalui PKB ini.

Terdapat banyak kajian telah dijalankan bagi melihat dan mengukur impak PKB kepada pelajar, fakulti, universiti, organisasi dan komuniti. Chen (2015) melaporkan kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa pelajar yang mengambil bahagian dalam PKB mengingati lebih banyak apa yang dipelajari, lebih cekap dan efektif terhadap kandungan pembelajaran berbanding rakan sekelas yang tidak mengikuti PKB.

Kajian yang dijalankan oleh Salam et al. (2019) menyatakan bahawa pelajar yang telah melalui kursus PKB dengan berkesan dapat merasai impak

positif terhadap diri mereka berkaitan dengan akademik, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kepimpinan dan kepuasan diri terhadap universiti mereka.

Gregorova *et al.*, (2016) turut melaporkan bahawa wujud impak perubahan kepada kompeten terpilih kepada pelajar sebelum dan selepas mengikuti PKB. Pelajar yang terlibat PKB turut memberi maklum balas bahawa kursus PKB telah mempengaruhi perkembangan dan perubahan diri dari aspek kognitif, perlakuan dan emosi (Ilic *et al.*, 2021).

Kajian PKB yang dijalankan oleh Md Salleh dan Mokhtar (2017) kepada pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menggunakan kaedah kualitatif menyatakan bahawa pelajar yang terlibat dengan kursus PKB memperakui faedah dan impak dalam kemahiran insaniah pada diri mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Yusof *et al.* (2020) pula mendapati bahawa pelajar kursus PKB terpaksa mendepani dua cabaran utama iaitu jurang antara teori dan pratikal, dan kekurangan autonomi kognitif. Pelajar kursus PKB menghadapi cabaran untuk mengenal pasti perkara yang dipelajari di bilik kuliah dan perkara yang perlu dilaksanakan dalam situasi pratikal di dunia sebenar. Pelajar juga menghadapi cabaran di dalam membuat keputusan kerana terpaksa bergantung kepada pensyarah mereka semasa menjayakan projek PKB. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelaksanaan PKB bukan sahaja memberi impak positif tetapi ia turut mempunyai cabaran semasa pelaksanaannya.


Meskipun terdapat pelbagai kajian tentang

PKB di negara ini, namun kajian maklum balas pelajar terhadap PKB tidak banyak yang dilaporkan. Malahan kajian pelaksanaan PKB melalui kursus kokurikulum sangat terbatas. Justeru itu, objektif kajian ini untuk mengetahui perspektif pelajar terhadap pengalaman, manfaat dan cabaran semasa menjayakan PKB melalui kursus kokurikulum yang dilaksanakan secara dalam talian.

## METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif bagi membolehkan pengkaji untuk meneroka, memahami dan mendalami perspektif pelajar berkenaan manfaat dan cabaran yang diperolehi semasa melalui pembelajaran khidmat bakti di dalam kursus kokurikulum. Soalan temu bual semi-struktur yang digunakan dalam kajian ini diambil dan diubah suai daripada kajian yang dilaksanakan oleh Md Salleh dan Mokhtar (2017). Temu bual dalam kajian ini dilaksanakan secara dalam talian.

Seramai 24 orang pelajar yang terlibat di dalam kajian ini dipilih adalah terdiri daripada pelajar yang mendaftar di dalam pelbagai kursus kokurikulum yang ditawarkan oleh Pusat Kokurikulum, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Maklumat kajian literatur diperolehi dari artikel jurnal, buku teks, dan lain-lain sumber melalui pengkala data perpustakaan UiTM. Rajah 1 menunjukkan reka bentuk kajian ini.



RAJAH 1. Reka bentuk kajian.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan pelajar tahun kedua dari pelbagai fakulti pengajian yang mengambil kursus kokurikulum bagi sesi pengajian Mac – Ogos 2021. Seramai 24 pelajar yang dipilih untuk memberi maklum balas tentang pengalaman, manfaat dan cabaran semasa melaksanakan PKB. Pelajar yang dipilih adalah dikalangan pelajar yang mendaftar kursus kokurikulum yang melaksanakan program PKB. Pelajar yang dipilih ini adalah dikalangan mereka yang secara sukarela ingin memberi kerjasama bagi menjayakan kajian

ini. Jadual 1 menunjukkan nama kursus dan program SULAM yang diikuti oleh responden dalam kajian ini.

Semua program SULAM ini dilaksanakan secara dalam talian yang melibatkan pelbagai lokasi dan komuniti. Semua kursus kokurikulum yang dipaparkan dalam Jadual 1 merupakan kursus lanjutan yang berkesinambungan daripada kursus asas yang pernah diambil oleh responden pada semester pengajian sebelum ini. Pelaksanaan PKB di dalam kursus kokurikulum di UiTM tidak melibatkan semua kursus. Di dalam Jadual 1 menunjukkan terdapat pengulangan nama kursus yang sama tetapi nama program SULAM berbeza. Hal ini

berlaku kerana responden yang berbeza mengambil nama kelas yang berbeza. kursus yang sama tetapi mengikuti kuliah dari kumpulan

JADUAL 1. Nama kursus kokurikulum dan Program SULAM yang disertai dan dilaksanakan oleh responden yang terlibat dalam kajian ini.

Bil.	Nama Kursus Kokurikulum	Nama Program SULAM
1.	Kembara Kesatria III	Virtual Camp
2.	Pertahanan Awam III	Together Become Saviors: Asas Pertolongan Cemas Tercekik
3.	Palapes (Laut) III	Perkongsian Ilmu Kelautan dan Sejarah TLDM
4.	Tarian Tradisional dan Kreatif II	Kelestarian Tarian Melayu
5.	Tarian Tradisional dan Kreatif II	Warna Warni Seni Tari
6.	Minds Lanjutan	Unlock Your Mind's Potential
7.	Pengurusan Acara Sukan II	Bengkel Asas Pengurusan Acara
8.	Kembara Usahawan 2	Berniaga Itu Mudah
9.	Atlet Berprestasi Tinggi III	Tips Mengelakkan Kecederaan Semasa Bersukan
10.	Memanah II	Bengkel Teknik Asas Memanah
11.	Kembara Usahawan 2	Keusahawanan Bersama Belia
12.	Pertahanan Awam III	Program "We Share We Care: Ikatan dan Balutan"
13.	Palapes (Darat) III	Pengenalan Kepada Asas Ketenteraan (Strategi Taktikal)
14.	Apresiasi Sastera II	Bengkel Apresiasi Sastera
15.	Pengucapan Awam (Bahasa Melayu) II	Speaker Corners
16.	Pengucapan Awam (Bahasa Melayu) II	Webinar: Self-Boosting Confidence
17.	Pengurusan Acara Sukan II	Bengkel Pengurusan Kejohanan Sukan
18.	Atlet Berprestasi Tinggi III	Bengkel Tips Mengelakkan Kecederaan Ketika Bersukan
19.	Kumpulan Inovatif dan Kreatif Pelajar 2	Be Clever, Be Creative
20.	Pendidikan Pencegahan Dadah Lanjutan	Mahasiswa@School : Drug Now Or Never
21.	Atlet Berprestasi Tinggi III	Cara Menangani Kecederaan Sukan
22.	Khidmat Masyarakat II	S.T.E.M Education
23.	Khidmat Masyarakat II	Service Learning-University for Society SULAM & Sekolahku Universitiku
24.	Siswa Bomba Bantuan (Pengurusan)	Don't Burn Yourself

Pengalaman Melaksanakan Pembelajaran Khidmat Bakti

Ber cerita tentang pengalaman melaksanakan PKB, kebanyakan responden memberi maklum balas tentang

bagaimana mereka berkongsi ilmu pengetahuan yang mereka perolehi di dalam kelas kepada kumpulan komuniti sasaran mereka. Maklum balas yang diterima adalah dalam pelbagai perspektif kerana menggunakan soalan terbuka.

*“Berdasarkan pengalaman saya, perkara yang saya peroleh ialah dapat berkongsi ilmu bersama peserta yang sememangnya tidak pernah mengetahui tentang perkara-perkara yang kami telah nyatakan. Mengikut dari program kami, ia lebih bertemakan sukan, dah kebanyakan dari peserta bukan lah seorang yang aktif dalam rekreasi dan ada juga dikalangan mereka ialah ‘seditary lifestyle’.” – [Pelajar 10, 23 Ogos 2021]*

*“Projek Sulam yang kami jalankan adalah berkenaan S.T.E.M Education di mana kami mengetengah maklumat-maklumat yang berguna buat pelajar. Maklumat-maklumat tersebut dapat membantu pelajar untuk lebih memahami tentang beberapa kursus yang mereka pelajari. Kami bukan sahaja memudahkan pelajar tapi turut memudahkan guru untuk mengajar. Guru boleh gunakan bahan-bahan yang kami sediakan untuk mengajar supaya sesi pembelajaran berjalan dengan meriah dan lancar. Suasana pembelajaran juga dapat menarik pelajar untuk suka belajar. Selain daripada kursus yang mereka pelajari, kami juga memberi kesedaran dari segi hak-hak kanak-kanak bagi mengelakkan mereka di dera tanpa sedar. Mereka perlu tahu apa perkara yang salah dan perkara yang betul.” - [Pelajar 23, 26 Ogos 2021]*

Selain itu, terdapat juga responden yang memberi maklum balas tentang pengalaman kemahiran diri, kerja kumpulan dan kepimpinan yang mereka peroleh semasa menjayakan PKB di dalam kursus kokurikulum.

*“Memberi pengalaman kepada pelajar untuk bekerja dalam satu organisasi dan berinteraksi dengan lebih rapat dengan komuniti.” – [Pelajar 9, 23 Ogos 2021]*

*“Menjadi pemimpin yang cekap dalam memberi arahan yang jelas, membahagikan tugas adalah perkara yang signifikan dalam menganjurkan SULAM kerana perkara ini merupakan teras dalam suatu organisasi bagi memastikan tiada atau kurang kesilapan dalam melancarkan program.” – [Pelajar 13, 23 Ogos 2021]*

*“Pengalaman saya berkenaan program ini adalah saya dapat pengalaman baru dan diberi tanggungjawab dalam menjadi setiausaha program ini.” – [Pelajar 24, 26 Ogos 2021]*

Pelaksanaan PKB melalui kursus kokurikulum telah memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada komuniti dan pada masa yang sama dapat menimba pengalaman. Antara pengalaman itu adalah peluang berinteraksi dan memahami keadaan semasa dalam konteks pengetahuan dan kemahiran yang ada pada komuniti tersebut.

Pengalaman yang diperolehi oleh pelajar

semasa melalui PKB tidak terhad kepada kandungan kursus kokurikulum yang dipelajari sahaja. Pelajar turut berpeluang untuk menimbang pengalaman baru apabila diberi peranan dan tanggungjawab tertentu bagi menjayakan program bersama komuniti ini.

#### Manfaat Yang Diperolehi Melalui Pembelajaran Khidmat Bakti

Apabila ditanyakan manfaat yang diperolehi melalui PKB ini, majoriti responden menjawab manfaat kepada diri mereka berbanding manfaat yang diterima oleh komuniti. Meskipun ada sebahagian kecil memberi maklum balas akan manfaat yang diterima oleh komuniti. Antara manfaat yang dinyatakan adalah berkaitan dengan kemahiran insaniah. Manfaat individu ini lebih ketara disebabkan proses PKB bagi menjaya program bersama komuniti melalui beberapa fasa sebelum ia dilaksanakan.

*“Projek Sulam ini sangat baik kerana kita dapat berkongsi dengan komuniti tentang sesuatu yang baik. Sebagai mahasiswa, kami mempunyai kepakaran dan bidang ilmu berlainan, jadi tidak salah untuk berkongsi dengan komuniti apa yang kami tahu. Kami bukan sahaja dapat berkongsi dengan komuniti malah kami dapat belajar cara untuk berinteraksi dengan komuniti. Tidak semua komuniti adalah bernasib baik dari segi tahap belajar, kerja dan kewangan, jadi dengan berkongsi secara percuma harap dapat membantu mereka serba sedikit. Kami juga berkongsi pengalaman sekiranya ada yang memerlukan nasihat dari segi bidang yang kami pelajari. Ilmu itu luas, dan ia akan menjadi semakin luas apabila kita berkongsi.” – [Pelajar 23, 26 Ogos 2021]*

Nilai kebertanggungjawab sosial jelas dinyatakan melalui maklum balas yang diterima daripada respon kajian. Penemuan yang sama juga dilaporkan oleh Kayode *et. al.* (2020). Ini jelas menunjukkan antara impak PKB adalah dapat memupuk perasaan dan nilai kekitaan kepada pelajar untuk mereka menyumbang ilmu dan kemahiran kepada komuniti setempat. Menurut Ibrahim *et al.*, (2020) melalui PKB, pelajar dapat membuat pembaharuan dan meningkatkan kualiti hidup sesebuah komuniti dan dapat memberi manfaat kepada pelajar tentang rasa tanggungjawab dan menghargai penglibatan mereka bersama komuniti.

*“Saya belajar untuk siapkan kerja on-time, macam mana nak jadi orang yg berjaya sebagai seorang ketua, macam mana nak terangkan kepada mereka tentang program SULAM dan sebagainya.” – [Pelajar 20, 26 Ogos 2021]*

*“Selaku pengarah program, saya sedar*

*bahawa jawatan yang saya pegang memainkan peranan yang sangat besar. Saya perlu sentiasa pantau kegiatan ahli-ahli lain agar mengelakkan ada yang mengambil kesempatan dan kerja sambil lewa. Selain itu, saya juga perlu bersikap lebih ramah dan mudah didekati supaya ahli-ahli lain tidak merasa takut apabila mereka inginkan bantuan. Mereka juga tidak teragak-agak untuk bertanya kepada saya sekiranya terdapat perkara yang tidak jelas. Sewaktu pembahagian kerja, amatlah penting untuk mereka faham skop kerja masing-masing supaya tugas yang diberi tidak tergendala dan luar dari skop kerja mereka. Hubungan yang baik antara ketua dengan ahli amatlah penting supaya komunikasi dua hala berjalan dengan baik. Saya juga bukan sahaja perlu mempunyai hubungan baik dengan ahli, malah dengan wakil guru berkenaan projek sulam ini supaya kami dapat memenuhi keperluan dan menyelesaikan tugas yang diberi. Hubungan dengan pelatih juga turut membantu dalam menjayakan projek sulam ini.”* – [Pelajar 23, 26 Ogos 2021]

Menurut Hussin (2019) pelaksanaan PKB ini akan melibatkan fasa mengenal pasti, melaksanakan mengesah dan mendokumentasikan maklumat program bersama komuniti. Fasa-fasa ini banyak melibatkan kerja-kerja individu dan berkumpulan antara pelajar dalam satu tempoh masa yang lebih panjang berbanding pelaksanaan program komuniti itu sendiri. Clinton dan Thomas (2011) turut menyatakan bahawa PKB memberi kesan pengalaman positif kepada pelajar di dalam membina keyakinan diri dan kebolehan bekerja dalam kumpulan.

Dapatan kajian ini, selari dengan laporan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa PKB ini berupaya untuk membangunkan kemahiran insaniah pelajar (Moely dan Ilustre, 2014; Md Salleh dan Mokhtar, 2017; Mamat *et. al.*, 2019). Antara kemahiran yang dapat diperolehi melalui PKB ialah kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, pengurusan dan penyelesaian masalah.

#### Cabaran Dalam Melaksanakan Pembelajaran Khidmat Bakti

Dalam pelaksanaan PKB pelajar akan belajar untuk menyelesaikan masalah melalui cabaran yang dihadapi ketika mengenal pasti, merancang dan melaksanakan program bersama komuniti. Pelaksanaan PKB di era penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP menyebabkan program bersama komuniti hanya dapat dilaksanakan dalam talian.

Antara cabaran pelaksanaan program komuniti dalam talian, para pelajar dan komuniti sasaran tidak dapat berinteraksi dengan efektif dan efisien

berbanding jika dilaksanakan secara bersemuka. Perkongsian ilmu dan kemahiran juga terbatas dan perlu disesuaikan isi kandungan dengan cara penyampaian melalui dalam talian. Capaian dan kestabilan talian internet juga memberi cabaran dalam pelaksanaan PKB sama ada kepada pelajar sebagai penganjur program dan juga kepada komuniti yang menjadi peserta program.

*“Pemilihan tajuk yang bersesuaian untuk audiens agak mencabar dan mengurus sepanjang perjalanan program agak rumit memandangkan semua proses dijalankan sepanjang online distance learning.”* – [Pelajar 4, 23 Ogos 2021]

*“Meski Projek SULAM agak membebaskan terutamanya dalam menyampaikan isi-isi projek kami melalui atas talian kerana sukar untuk memastikan sama ada pendengar dapat menerima input yang disampaikan, SULAM merupakan suatu yang bermanfaat kerana kita dapat mendalami kursus kokurikulum melalui program ini.”* – [Pelajar 13, 23 Ogos 2021]

*“Projek SULAM ini terpaksa dilaksanakan atas talian disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini menyebabkan kaedah pelaksanaan aktiviti yang terhad serta menyulitkan pembentangan atas talian. Terdapat juga masalah teknikal yang jelas sekali di luar kawalan fasilitator, namun masalah tersebut memberi impak yang kecil sahaja terhadap program yang dijalankan. Akhir sekali, semua masalah dapat diatasi serta program yang dijalankan berjalan seperti yang dirancang.”* – [Pelajar 14, 23 Ogos 2021]

Pelajar yang terlibat dalam PKB turut menghadapi cabaran untuk mempelajari konsep dan pelaksanaan program bersama komuniti yang berkait dengan kandungan kursus kokurikulum yang dipelajari. Pelajar merasa terbeban dengan tugas program komuniti. Namun dengan bimbingan dan tunjuk ajar tenaga pengajar, pelajar dapat memahami dan pelaksanaan program komuniti yang dirancangkan.

Menurut Yusof *et al.* (2020), pelajar kurang berkeyakinan dalam membuat keputusan dan penilaian sendiri semasa melaksanakan tugas PKB serta perlu merujuk kepada tenaga pengajar yang terlibat. Dapatan kajian ini turut menemukan hal yang sama.

*“Pihak Pusat Kokurikulum sangat membantu dalam menjayakan usaha projek SULAM ini. Selain daripada bimbingan jurulatih kebersama antara peserta juga menjadi faktor kejayaan dalam projek SULAM”* – [Pelajar 16, 23 Ogos 2021]

*“Bermula dengan rungutan kerana merasakan SULAM ini membebaskan. Namun, dengan bimbingan Jurulatih dan juga rakan seperjuangan, program sulam dapat dijalankan dengan jayanya. Semua pihak memberi kerjasama dan menjayakan program sulam*

dengan baik. Semua tugas dibuat mengikut biro masing-masing. Malam sebelum program, berasa gementar, namun Alhamdulillah pada hari kejadian program berjalan dengan lancar, peserta menyukai dan meminatinya, semua isi dapat disampaikan dengan sempurna dan jayanya.” – [Pelajar 17, 23 Ogos 2021].

## KESIMPULAN

Pelaksanaan PKB melalui kursus kokurikulum masih baru di UiTM. Kajian ini adalah untuk mengetahui dan memahami impak PKB kepada pelajar dari sudut manfaat dan cabaran. Bilangan pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah kecil. Daripada perspektif pelajar, maklum balas yang diterima menyatakan wujud impak positif kepada diri pelajar dan komuniti. Pengkongsian dan maklum balas yang diberi menunjukkan impak yang ketara adalah terhadap elemen kemahiran insaniah atau generik. Antara kemahiran yang dapat diperolehi melalui PKB ialah kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, pengurusan dan penyelesaian masalah. Pelaksanaan PKP secara dalam talian merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi oleh pelajar semasa melaksanakan program komuniti di waktu kerajaan melaksanakan PKP bagi membendung wabak Covid-19.

Kajian ini terhad kepada sekelompok pelajar dengan bilangan yang kecil dan membataskan untuk gambaran menyeluruh bagi pelajar yang mengambil bahagian dalam kursus PKB. Selain itu, pelajar yang terlibat dalam kajian hanya melaksanakan PKB secara dalam talian. Hal ini mungkin memberi pengalaman yang berbeza jika mereka melakukan PKB di lapangan sebenar secara bersemuka. Kajian lanjutan wajar dilaksanakan bagi mendapat maklum balas yang lebih spesifik dan terperinci bagi mengetahui impak pelaksanaan PKB secara bersemuka kepada pelajar yang mengambil kursus kokurikulum di UiTM.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Pengarah Pusat Kokurikulum UiTM yang memberi kebenaran dan sokongan dalam menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada pelajar-pelajar kokurikulum yang mengambil bahagian dan memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

## RUJUKAN

Chen, S. (2015). Faculty members' perception of service-

- learning courses in curriculum. *International Journal of Education and Human Developments*. 1(3). 9 – 19.
- Figuccio, M. J. (2020) Examining the efficacy of e-service learning. *Frontiers in Education*. 5: 1-6.
- Gregorova, A. B., Heinzova, Z & Chovancova, K. (2016). The impact of service-learning on students' key competences. *International Journal of Research on Service-Learning and Community Engagement*. 4 (1). 367 – 376.
- Hussin, M. (2019). Students' Involvement in Community Services as Authentic Learning. In. Luan, W. S., Md Khambari, M. N., Razali, A. B. M., Rashid, S. A., & Ching, F. T. H. (ed). *Scholarship of Teaching and Learning @ UPM*. Centre for Academic Development (CADE), Universiti Putra Malaysia.
- Ibrahim, S, M., Hassan, Z., & Bayang, R. (2020). Benefit of Service Learning for Undergraduate Students of Education, Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*. 18(2): 22-31.
- Ilic, B. C., Gregorova, A. B., & Rusu A. S. (2021) Service-Learning as a Novelty Experience at Central and Eastern European Universities: Students' Narratives of Satisfaction and Premises of Change. *Frontier in Education*. Vol. 6 . 1 – 13.
- Kayode, S. M., Noordin, M. K. & Abd Wahid, N. H. (2020) Service Learning Approaches Instrumentation to Community Development in the 21<sup>st</sup> Century. *Universal Journal of Educational Research*. 8 (5A): 57-62
- Lin, L., Shek, D.T.L. & Li, X. (2022) Who benefits and appreciates more? An evaluation of Online Service-Learning Projects in Mainland China during the COVID-19 pandemic. *Applied Research Quality Life*.
- Maamor, S., Ibrahim, A. Z., & Samsi, A. (2015). Faktor pememilihan jenis kokurikulum: kajian kes pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). *Journal of Holistic Student Development*. 2 (1). 35 – 46.
- Malaysian Higher Education Teaching and Learning Council. (2016). *Guideline for the Implementation of High Impact Education Practices in the Curriculum*. Serdang: UPM Press.
- Mamat, M, Amran, N. N., Ismail, Z., Ibrahim, M., Ishak, H., & Baba, S. (2019). Service-learning in Malaysia: Practice and implementation in four public universities. *International Journal of Civil Engineering and Technology*. 10(4): 1682-1691.
- Md Salleh, M. S. & Mokhtar, M. (2017) Service Learning: Experience and Perceptions Towards Students in UTM, Malaysia. *Sains Humanika*. 9 (1-3). 27-30.
- Salam, M., Awang Iskandar, D. N., Abang Ibrahim, D. H. & Farooq, M. S. (2019) Service learning in higher education: a systematic literature review. *Asia Pacific Education Review*. 20: 573–593
- Yusof, N., Tengku Ariffin, T. F., Awang-Hashim, R., Nordin, H., & Kaur, A. (2020). Challenges of service learning practices: Student and faculty perspectives from Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 279-309.

Fairus Muhamad Darus\*  
Pusat Kimia dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Gunaan,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Noor Afzan Zakaria  
Pusat Kegiatan Pelajar,  
Aras 4, Kompleks Budisiswa,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Nooraidah Mokhtar  
Pusat Kokurikulum,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: fairusmd@uitm.edu.my

Diserahkan: 15 November 2022  
Diterima: 28 April 2023